

02/10/2003

Lima `03 buktikan keupayaan Malaysia

PAMERAN Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) bermula kelmarin dengan memberi penghargaan kepada orang yang bertanggungjawab mencetuskan idea menganjurkan pameran itu 12 tahun lalu iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tulisan `Kerana mu Dr M' dan "Thank You Dr M' yang dipaparkan pada helikopter Alloutte-III dipandu sendiri Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Datuk Seri Abdullah Ahmad, seolah-olah tanda ucapan perpisahan kepada Perdana Menteri pada majlis perasmian pameran itu, yang terakhir baginya sebelum bersara akhir bulan ini.

Sejak diperkenalkan pada 1991, Lima bukan saja berjaya membuktikan kesungguhan dan kemampuan Malaysia menganjurkan pameran pesawat dan kapal bertaraf antarabangsa, malah menghimpunkan serta mempertemukan pemimpin negara, tentera, pengeluar pesawat dan kapal dari seluruh dunia, khususnya dari rantau ini selain menarik lebih ramai pelancong mengunjungi negara ini. Malah, Lima `03 yang disertai lebih 600 syarikat dan lebih 100 pesawat serta 80 kapal dari 25 negara adalah yang kedua terbesar selepas Lima `99. Kejayaan ini amat membanggakan kerana ia berlangsung ketika keadaan keselamatan serantau masih belum pulih sepenuhnya daripada ancaman keganasan dan kesan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), tahun lalu.

Selain memberi peluang kepada pengeluar pesawat dan kapal mempamerkan teknologi terkini dan membuktikan kemampuan mereka, Lima juga adalah landasan sesuai bagi syarikat berkenaan mempromosi produk masing-masing. Dengan kedudukan rantau Asia Pasifik sebagai pasaran kedua terbesar di dunia bagi produk aeroangkasa dan maritim, selain unjuran jumlah keseluruhan pasaran eksport pertahanan Asia yang dijangka mencecah AS\$70 bilion (RM266 bilion) antara 2002 hingga 2006, kita yakin pameran berkenaan akan memberi pulangan lumayan kepada pelbagai pihak, khususnya pengeluar pesawat dan kapal.

Sehubungan itu, kita berbangga dengan kesediaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk meneruskan pameran berkenaan apabila beliau mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Dr Mahathir akhir bulan ini dan berharap semua pihak, khususnya syarikat pengeluar pesawat dan kapal akan terus memberi sokongan supaya Lima terus unggul sebagai pameran udara dan maritim terunggul di rantau ini. Lima adalah sinonim dengan Dr Mahathir dan tidak hairanlah jika setiap perkembangan serta kejayaan pameran itu sering dikaitkan dengan visi serta kepemimpinan beliau.